

# Sungai Ichat dijangka pulih dalam tiga tahun

## Hentikan segera pencerobohan

■ CAMERON HIGHLANDS 7 SEPT.

**K**EPRIHATINAN Yang di-Pertuan Agong Al-Sultan Abdullah Ri'azanuddin Al-Mustafa Bilah Shah terhadap isu alam sekitar tidak dapat dinafikan apabila Seri Paduka berkenaan tapak pencerobohan haram Sungai Ichat di Kuala Terla di sini, hari ini.

Dalam kunjungan sulung ke tanah tinggi itu sejak ditabai sebagai Yang di-Pertuan Agong, Al-Sultan Abdullah bertitah agar semua pihak menghen- tikan segera pencerobohan di kawasan tadahan air Kuala Terla khususnya Sungai Ichat di bawah Mukim Ulu Terlim.

Al-Sultan Abdullah bertitah pencerobohan tanah itu menyebabkan Sungai Ichat yang merupakan satu daripada sumber



AL-SULTAN ABDULLAH RI'AZANUDDIN AL-MUSTAFA BILAH SHAH berkenaan meredakan kawasan pencorobohan Sungai Ichat di Kuala Terla, Cameron Highlands, semalam. Turut hadir, Menteri Besar Pahang, Datuk Seri Wan Rosdy Wan Ismail (tengah). - BERNAMA

paya bekerjasama antara satu sama lain dengan mengedepi-

**LAPORAN Mingguan Malaysia, 8 September 2019.**

Oleh **NUR IZZATI IZZAH NADZI**  
pengarang@utusan.com.my

■ **KUALA LUMPUR 10 SEPT.**

**P**EMULIHARAAN Sungai Ichat dijangka pulih dalam tempoh dua hingga tiga tahun bergantung kepada perancangan dan pemantauan yang teliti bagi mendapatkan kualiti air yang baik.

Pensyarah Kanan, Fakulti Pengajian Alam Sekitar, Universiti Putra Malaysia (UPM) Dr. Mohd. Yusoff Ishak berkata,

proses baik pulih bergantung kepada aspek pemulihan yang dirancang.

“Proses pembaikan tebing sungai mungkin boleh disiapkan dengan segera, namun untuk memulihkan kualiti air sungai berkenaan memerlukan tempoh hampir tiga tahun dengan perancangan yang teliti serta pemantauan yang berterusan,” katanya kepada *Utusan Malaysia* di sini hari ini.

Mohd. Yusoff berkata, peringkat paling memakan masa dari segi pemuliharaan adalah

mengembalikan semula hidupan asal di sungai terbabat seperti ikan dan organisma akuatik.

“Peringkat ini memerlukan habitat di situ pulih sepenuhnya sebelum haiwan ini yang juga bertin-



**MOHD. YUSOFF ISHAK**

tidak sebagai penunjuk biologi ini boleh hidup di sungai berkenaan,” katanya.

Katanya, sementara proses baik pulih sungai berjalan, penambahan saiz atau permit bagi membuka kebun sayur baharu perlu dihentikan.

“Operasi kebun sedia ada perlu dipastikan tidak mencemar sungai dengan bahan kimia seperti baja, racun dan sebagainya malah kesemua prosedur operasi kebun perlu dinilai semula agar mesra alam,” katanya.

Menurutnya, zon penampan di tebing kiri dan kanan kedua-dua sungai mesti dipulihara dan ditambah baik dengan memperluaskan lagi jarak dari tebing.

“Sebarang pencerobohan mesti dibawa ke muka pengadilan dan tindakan pembaikan di lokasi perlu disegerakan. Ini kerana zon penampan berfungsi menapis sebarang bahan cemar daripada memasuki sungai,” katanya.

Tambahnya, terdapat ke- kangan keupayaan loji rawatan air (LRA) Kuala Terla untuk berfungsi dengan optimum jika senario sekarang berlanjutan.

“Bagi jangka panjang, situasi ini tidak sihat malah membahayakan kepada pengguna dan penduduk setempat.

“Malah gangguan air turut akan menjejaskan pengguna terutama apabila pemendakan sediment yang tinggi akibat pembukaan tanah di sekeliling berlaku,” katanya.